

## Hasil Program:

Setelah menyertai program ini, peserta akan memperolehi:

1. Kemahiran perundingan
2. Kemahiran menganalisis
3. Kemahiran komunikasi
4. Kemahiran keusahawanan
5. Kemahiran pengurusan kewangan
6. Sifat berdaya saing
7. Sikap kepimpinan yang tinggi
8. Kreatif dan Inovatif
9. Bijak mencari peluang
10. Kerjasama berkumpulan

Dan banyak lagi!!!

## Penutup

Program SME-University Intership 2014 siri keempat ini dijangka mampu memberi latihan praktikal yang sangat berguna kepada pelajar dalam mendalamai ilmu keusahawanan.

Program ini juga dapat menjadi platform bagi melahirkan lebih ramai usahawan siswazah yang akan bertindak sebagai pemangkin kepada transformasi ekonomi negara kepada ekonomi berpendapatan tinggi dan berpaksikan inovasi ke arah pencapaian status negara maju menjelang tahun 2020.

**PESERTA TERPILIH AKAN DILANTIK  
SEBAGAI PERUNDING MUDA /  
KONSULTAN SME DI PERLIS**

**APA TUNGGU LAGI?  
SERTAILAH  
SEKARANG!!!**

Pelajar yang berminat dikehendaki:

1. memahami kandungan program di dalam brosur dan iklan yang dikeluarkan oleh PPIPT, UniMAP
2. Mengisi dan melengkapkan borang penyertaan (4 muka surat)
3. Menyertakan sekeping gambar berukuran pasport (yang terkini) dan dilekatkan di borang penyertaan.
4. Menyertakan salinan keputusan peperiksaan yang mempunyai CGPA terkini di borang penyertaan.
5. Menghantar borang penyertaan secara *hardcopy* (*softcopy* tidak diterima) sebelum tarikh tutup penyertaan.

*Sila kembalikan borang yang telah lengkap diisi kepada:*

Cik Azlini Hassan (Pensyarah) /  
Puan Intan Maizura binti Abd Rashid (Pensyarah),  
Blok A, Tingkat 1,  
Pusat Pengajian Inovasi Perniagaan dan  
Teknousahawan (PPIPT),  
Jalan Kangar-Alor Setar, 01000 Kangar, Perlis.  
Tel: 017 - 9323 008 - Cik Azlini /  
019 - 3861506 - Puan Intan Maizura

**Tarikh Tutup Penyertaan  
18 Februari 2014 (Selasa, jam 1.00 petang).**




**PROGRAM  
SME—UNIVERSITY  
INTERNSHIP  
2014 (Siri Keempat)  
Universiti Malaysia Perlis**



Anjuran:  
**Pusat Pengajian Inovasi Perniagaan dan  
Teknousahawan (PPIPT)  
Universiti Malaysia Perlis**

Dengan Kerjasama:



# PROGRAM 'SME-UNIVERSITY INTERNSHIP' 2014

## Pendahuluan

Program SME–University Internship 2014 ini merupakan kesinambungan daripada Program Pembelajaran Berasaskan Konsultasi untuk EKS ASEAN atau singkatannya CoBLAS (Consulting Based Learning for ASEAN SMEs).

Keberkesanan model yang telah diperkenalkan ini telah menarik minat SME Corporation Malaysia (SME Corp) untuk turut serta dalam menjayakan program ini di Malaysia dengan kerjasama Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.

Justeru, Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) tampil ke hadapan untuk turut serta dalam program yang dilihat berpotensi untuk membangunkan sahsiah pelajar ke arah memilih kerjaya keusahawanan.

## Objektif


Bagi merealisasikan hasrat universiti untuk meningkatkan minat dan penglibatan pelajar dalam bidang keusahawanan, PPIPT tampil dengan cadangan menganjurkan program ini dengan objektif berikut:

1. Melahirkan modal insan yang berkualiti dan mempunyai pemikiran, sikap dan nilai keusahawanan yang tinggi.
2. Menerapkan nilai dan minat keusahawanan ke dalam diri pelajar.
3. Memberi pendedahan kepada para peserta terhadap realiti sebenar pengurusan sesebuah SME (Small and Medium Enterprise).
4. Mewujudkan kolaborasi yang lebih akrab di antara ahli akademik dan usahawan/industri di sekitar negeri Perlis.
5. Menyediakan program pengukuhkan keusahawanan dan infrastruktur serta persekitaran yang kondusif kepada golongan pelajar yang benar-benar mempunyai minat dan keinginan untuk menjadi seorang usahawan.
6. Mengukuhkan kompetensi tenaga pengajar keusahawanan di UniMAP.

Penguasaan bahasa adalah di dalam bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris.

## Pelaksanaan Program:

### FASA 1: Februari 2014



### FASA 2: Mac 2014 — Jun 2014



### FASA 3: Jun/Julai 2014



Peserta akan dinilai di peringkat akhir oleh juri-juri luar yang hebat di dalam industri dan berpeluang mendapatkan pengalaman dan khidmat nasihat mereka di dalam dunia keusahawanan dan perniagaan.

## Syarat-syarat Penyertaan:

1. Pelajar UniMAP warganegara MALAYSIA.
2. Pelajar tahun 2/3 bagi program perniagaan atau tahun 3/4 bagi program kejuruteraan atau pelajar sarjana (sepenuh masa) UniMAP.
3. CGPA terkini 2.80 dan ke atas.
4. Tidak pernah menyertai program SME-University Internship 2010 (Siri Pertama), 2011 (Siri Kedua) dan 2013 (Siri ketiga).
5. Kreatif dan inovatif.
6. Komited (program turut berjalan sewaktu cuti semester).
7. Mempunyai peribadi dan akhlak yang cemerlang.
8. Berpersonaliti menarik.
9. LULUS temuduga program.
10. Keutamaan diberikan kepada pelajar yang mempunyai kenderaan sendiri.

Bagi peserta yang layak untuk ditemuduga, tarikh dan tempat temuduga akan diberitahu kelak.

